



4 November 2014
4 November 2014
P.U. (A) 290

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERDAGANGAN STRATEGIK (PENCAIRAN HARTA BERHUBUNG DENGAN PENGGUNA AKHIR TERLARANG) 2014

STRATEGIC TRADE (UNFREEZING OF PROPERTY IN RELATION TO PROHIBITED END-USERS) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010

PERATURAN-PERATURAN PERDAGANGAN STRATEGIK
(PENCAIRAN HARTA BERHUBUNG DENGAN PENGGUNA AKHIR TERLARANG)
2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 55(1) Akta Perdagangan Strategik 2010 [*Akta 708*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perdagangan Strategik (Pencairan Harta berhubung dengan Pengguna Akhir Terlarang) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 5 November 2014.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“harta” ertinya harta yang telah dibekukan menurut langkah yang diambil berhubung dengan orang yang ditetapkan di bawah perenggan 3(1)(a) Peraturan-Peraturan Perdagangan Strategik (Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) 2010 [*P.U. (A) 481/2010*];

“orang yang ditetapkan” ertinya mana-mana individu atau entiti yang ditetapkan sebagai pengguna akhir terlarang di bawah seksyen 8 Akta dan disenaraikan dalam Jadual Kedua kepada Perintah Perdagangan Strategik (Pengguna Akhir Terhad dan Pengguna Akhir Terlarang) 2010 [*P.U. (A) 484/2010*];

“pemohon” ertinya seseorang yang membuat suatu permohonan bagi pencairan hartanya di bawah peraturan 3.

Permohonan bagi pencairan harta

3. (1) Seseorang yang secara tidak sengaja terjejas dengan pembekuan hartanya atas sebab dia mempunyai nama yang sama atau serupa dengan orang yang ditetapkan boleh mengemukakan suatu permohonan kepada Pengawal bagi pencairan harta itu.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah—

- (a) dalam bentuk yang ditentukan oleh Pengawal;
- (b) mengandungi butiran mengenai pemohon dan harta pemohon, dan maklumat terperinci mengenai pembekuan harta itu; dan
- (c) disokong dengan dokumen yang berkaitan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pengawal.

(3) Pengawal boleh, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan di bawah subperaturan (1), menghendaki pemohon untuk menyediakan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan dalam tempoh yang dinyatakan oleh Pengawal.

(4) Jika dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subperaturan (3) tidak disediakan oleh pemohon dalam tempoh yang dinyatakan atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pengawal, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan hendaklah tidak boleh lagi diteruskan, tanpa menjejaskan permohonan baru yang dikemukakan oleh pemohon.

(5) Pengawal boleh, setelah menimbangkan permohonan di bawah subperaturan (1) dan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan di bawah subperaturan (3), jika ada, membenarkan atau enggan membenarkan pencairan harta pemohon.

(6) Keputusan Pengawal untuk membenarkan atau enggan membenarkan pencairan harta pemohon di bawah subperaturan (5) hendaklah disampaikan kepada pemohon.